


Bahagian A

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Lihat gambar rajah di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang *kepentingan sukan*. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.



Bahagian B

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Semasa cuti persekolahan yang lalu, anda berpeluang mengikuti lawatan sambil belajar yang dianjurkan oleh pihak sekolah ke suatu tempat menarik.

Jelaskan faedah-faedah yang anda peroleh daripada lawatan sambil belajar tersebut.

- 2 Kehidupan berkeluarga merupakan keperluan setiap individu.

Berikan pendapat anda tentang keluarga yang diimpikan.

- 3 Kejadian jenayah seperti ragut, culik dan pembunuhan di negara kita semakin membimbangkan banyak pihak.

Tulis sebuah rencana yang bertajuk 'Tanggungjawab Masyarakat untuk Membanteras Jenayah'.

- 4 Setiap tahun kerajaan menghantar pelajar kita untuk menyambung pelajaran di luar negara.

Bincangkan kebaikan dan keburukan belajar di luar negara.

- 5 Anda telah menyertai kursus penulisan yang dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Perihalkan pengalaman anda semasa menyertai kursus tersebut.

KERTAS SOALAN TAMAT

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **langkah-langkah memperkukuh tradisi hidup berjiran dan kepentingan hidup berjiran**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, tradisi hidup berjiran atau semangat kejiranan tanpa mengira perbezaan bangsa dan agama sudah bertapak sejak sekian lama. Perbezaan tersebut tidak seharusnya dijadikan sempadan untuk membina benteng daripada amalan hidup berjiran. Namun realiti masyarakat hari ini adalah mengambil mudah berhubung semangat kejiranan. Mungkin alasan kesibukan seharian dalam mengejar karier masing-masing menyebabkan amalan kejiranan semakin dilupakan. Pacuan perkembangan teknologi pada hari ini juga menjadi *penyumbang kepada kealpaan* masyarakat terhadap amalan hidup berjiran. Terdapat juga jiran tetangga yang tidak berminat untuk saling mengenali sesama sendiri kerana mementingkan status, malah tidak pernah bertegur sapa kerana menganggap jiran mereka rendah darjatnya. Hal sedemikian perlu diatasi segera dengan mengamalkan amalan bertegur sapa sesama jiran seperti bertanya khabar atau bertukar-tukar pandangan supaya hubungan kejiranan yang mulia ini tidak terhakis dalam masyarakat kita. Selain itu, usaha bersepadu yang lain perlu dilakukan bagi menyuburkan kembali tradisi hidup berjiran agar dapat menjamin keharmonian dalam masyarakat kita.

Sebenarnya semangat kejiranan mampu meninggalkan kesan yang ketara terhadap kesejahteraan masyarakat. Kehidupan berjiran akan berkekalan jika setiap jiran mempunyai matlamat hidup yang sama iaitu inginkan perpaduan dan kesejahteraan. Amalan ambil peduli terhadap sesuatu keadaan atau masalah yang dihadapi jiran dapat membantu kesulitan yang dialami oleh mereka. Hal ini demikian kerana banyak masalah kejiranan dapat diselesaikan apabila masing-masing saling mengambil peduli sesama jiran. Begitu juga dalam hubungan kejiranan yang melibatkan masyarakat yang berbeza bangsa dan agama, sikap saling menghormati kepercayaan masing-masing dan mengamalkan amalan mulia seperti ikhlas, saling menghormati dan tidak bersikap iri hati akan dapat membentuk hubungan kejiranan yang utuh. Hubungan kejiranan memerlukan kita saling bertemu, jadi meluangkan masa untuk berkunjung ke rumah jiran juga dapat mengeratkan semangat hidup berjiran. Hal ini memungkinkan kita lebih mengenali sesama sendiri. Sekurang-kurangnya berkunjunglah ke rumah jiran pada hujung minggu atau sempena hari-hari perayaan tertentu. Hubungan kejiranan yang baik adalah apabila kita sanggup mengetepikan kesenangan diri semata-mata untuk membantu jiran pada masa diperlukan. Semakin kerap kita menghulurkan bantuan semakin erat ikatan kejiranan kita seperti semasa kenduri-kendara atau pada waktu-waktu kecemasan. Seterusnya pelbagai perbezaan sesama jiran dapat disempitkan jurangnya melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan seperti program Kawasan Rukun Tetangga(KRT) yang bukan sahaja menjaga keselamatan sekitar kejiranan malah mewujudkan hubungan sosial yang positif.

Dalam konteks menjaga hubungan sesama jiran, kita bertanggungjawab untuk tidak menyakiti hati jiran, baik perkataan mahupun perbuatan. Sampah sarap tidak harus dibiarkan berserakan dan berbau, begitu juga elakkan berbuat bising sehingga mengganggu ketenteram jiran terutama pada waktu malam. Jelaslah betapa pentingnya peranan jiran dalam menentukan keharmonian dan keselamatan dalam sesebuah negara. Persoalan arus kemodenan bukanlah satu alasan untuk kita mengabaikan soal kejiranan. Dalam menjalani kehidupan berjiran ini kita perlu menghayati pepatah Melayu iaitu jiran sepakat membawa berkat.

(Dipetik dan diubahsuai daripada *Berbaik Sangka Erat Hubungan Jiran Tetangga* *Mingguan Malaysia*, Jun 2009)

Soalan 2: Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *penyumbang kepada kealpaan*.

[2 markah]

(ii) Apakah punca-punca yang menyebabkan amalan kejiranan semakin dilupakan?

[3 markah]

(iii) Pada pendapat anda, mengapakah kita dilarang menyakiti hati jiran tetangga?

[4 markah]

Soalan 2 (b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sekali ibu kembali mengamuk lagi dan puncanya daripada Ceper itu juga. Kali ini bukan kerana banjir yang dibawa oleh Ceper yang melanda padi. Musim itu musim kemarau. Tidak sangka kemarau akan memanjang sampai berbulan-bulan. Sawah habis kering. Lembu kerbau asyik diheret ke Ceper saja untuk menghilangkan dahaga kerana semua telaga dan kubang di sawah kering. Baruh-baruh yang dulunya tidak pernah kering itu pun kering juga.

Sungai Ceper semakin hari semakin tohor sehingga air sampai paras buku lali. Ikan-ikan terperangkap dan banyak yang mati kerana tidak boleh main air lagi. Sungai menjadi busuk kerana najis tidak boleh mengalir. Hendak mandi menyelam kepala dalam-dalam pun tidak boleh lagi kerana air Ceper betul-betul tohor.

Ibu mengamuk juga. Dia maki-maki Ceper yang boleh jadi begitu sehingga menyusahkan semua. Baruh habis kering. Padi pun kecut di dalam sawah. Yang sudah menguning boleh jadi tahan-tahan sampai benar-benar tunduk. Tetapi banyak yang belum masuk isi habis kering dan mati menjadi jerami begitu sahaja. Yang kuning pun nampak saja besar biji-biji padinya, tetapi banyak yang hampa kerana kemarau panjang sangat dan air Sungai Ceper tidak boleh menolong langsung.

(Dipetik daripada „Ibu dan Ceper“ oleh Shahnnon Ahmad dalam antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Bagaimanakah keadaan Sungai Ceper apabila dilanda kemarau panjang?
[2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh pelbagai pihak apabila bencana alam melanda?
[3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** persoalan daripada petikan dan **satu** persoalan daripada keseluruhan cerpen ini.
[4 markah]

Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Merah Silu pun bermohon kepada Megat Iskandar, lalu dia pergilah mengambil segala hartanya, askar dan kesemua kerbaunya. Lalu dibawa ke Buluh Telang itu. Merah Silu tinggallah di situ.

Merah Silu sangat gemar menyabung ayam. Ramai juara sabung ayam datang bermain menyabung dengan Merah Silu. Orang yang kalah dibayar taruhannya. Berita itu tersebar kepada kampung lain dan ramailah orang datang bermain sabung ayam di Buluh Telang. Apabila mereka kembali, Merah Silu memberi mereka seorang seekor kerbau. Orang yang datang melihat permainan sabung ayam itu juga diberi seekor kerbau.

Megat Iskandar dan Megat Kedah keduanya ialah kakanda kepada Sultan Maliku“INasar di Rimba Jerun. Segala rakyat serta kedua raja itu kasih akan Merah Silu. Megat Iskandar menyuruh segala rakyat membawa beras seorang sekampit. Pada suatu hari, Megat Iskandar bermuafakat dengan orang besar-besar, orang tua-tua dan segala rakyat dalam negeri itu. Kata Megat Iskandar, “Hai segala tuan-tuan, apa fikiran kita akan Merah Silu ini? Pada bicara hamba baiklah kita jadikan dia raja kerana *ia pun sedia raja*, lagi ia hartawan. Dapat kita menumpang bersuka kepadanya.”

(Dipetik daripada „Merah Silu“ dalam antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka).

- (i) Berikan maksud rangkai kata *ia pun sedia raja*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan bukti-bukti yang menggambarkan sikap baik hati Merah Silu? [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda Merah Silu, bagaimanakah caranya anda memanfaatkan harta yang banyak itu? [3 markah]

Soalan 2 (d) - Syair

Baca syair di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Syair Makna Riak

Kemudian dinyatakan makna riak,
Amal ibadat kerana manusia
Inilah kebencian Tuhan yang sedaya,
Sebab kerana syirikkan Dia.

Terkadang riak pula dilakukan,
Mengiringkan beberapa puasa tak makan,
Bertutur itu suara diperlahankan,
Tubuh dan badan tidak dihiraukan.

Supaya disangka ianya wali,
Akan dunia tidak dipedulikan,
Hemahnya itu sangatlah ali,
Tetapi hatinya ke dunia bertali.

Terkadang riakkan ia berilmu,
Bersurah ketika orang berjamu,
Berkata-kata tidaklah jemu,
Nahu dan sarap habis diramu.

Terkadang bercakap ilmunya mantik,
Bicara alhayat konon diselidik,
Supaya disangka ianya cerdik,
Sukalah orang memberinya gundik.

Terkadang riak dengan pakaian,
Berserban lilit ekor berhambayan,
Sejadah di bahu bersampaian,
Tasbih di tangan beruitan.

Pejamkan mata duduk bersila,
Lidah berzikir Allah Taala,
Terkadang jazbah seperti gila,
Kasadnya hendak jadi kepala.

Riak demikian menjadi balak,
Amal itu tentu ditolak,
Terkadang dilemparkan ke mukanya pulak,
Allah Taala sualak.

*Puisi Melayu Tradisi 1993
Oxford Fajar Sdn. Bhd.*

(i) Berdasarkan rangkap yang kedua syair di atas, nyatakan ciri-ciri orang yang riak.

[2 *markah*]

(ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara melakukan sesuatu pekerjaan dengan ikhlas?

[3 *markah*]

(iii) Huraikan **dua** pengajaran daripada syair di atas.

[4 *markah*]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) merah jambu - jambu merah
- (ii) sawah padi - padi sawah
- (iii) orang ramai - ramai orang

[6 markah]

(b) *Kenal pasti jenis-jenis ayat berikut. Nyatakan sama ada ayat tersebut **ayat penyata, ayat tanya, ayat seruan atau ayat perintah.***

- (i) Negara Indonesia merupakan pengeluar petroleum yang terbesar di Asia Tenggara.
- (ii) Projek pembinaan rumah kos rendah akan dimulakan bila?
- (iii) "Jemputlah datang ke rumah sempena majlis ulang tahun kelahiran saya," kata Ira kepada Azmir.
- (iv) Hari guru disambut pada 16 Mei setiap tahun.
- (v) "Saya mahu anda semua mengemas bilik darjah ini sebelum balik," kata Cikgu Amin kepada pelajar-pelajarnya.
- (vi) "Amboi, lama benar awak pergi bercuti di Australia!" kata Suhaila kepada Nasa.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan.** Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Meneroka angkasa lepas merupakan bidang baru yang perlu dicebori oleh generasi muda agar kemajuan negara kita setanding dengan negara-negara lain.
- (ii) Pertandingan merwarna yang disertai oleh pelajar pra sekolah itu dapat meningkatkan kemahiran seni lukis mereka.
- (iii) Remaja hendaklah mengelak diri daripada melepak di kompleks beli-belah kerana perbuatan sedemikian tidak mendatangkan sebarang faedah.

[6 markah]

**[Lihat halaman sebelah
SULIT**

- (d) *Dalam petikan di bawah, terdapat **tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan penggunaan kata atau istilah dan tiga kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

Setelah mencapai kemerdekaan, Malaysia terus mengorak jejak membentuk sebuah negara yang maju dan berdaulat. Malaysia meneruskan acara dengan memberi tumpuan kepada pertumbuhan ekonomi di luar bandar. Matlamat kerajaan ialah untuk mengimbangi pertumbuhan ekonomi agar dapat rakyat nikmati. Ekonomi negara menunjukkan perkembangan yang positif dari masa ke semasa. Kedudukan ekonomi yang stabil telah menguatkan mata wang negara.

[6 markah]

- (e) *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan **tiga peribahasa** yang sesuai dengan petikan tersebut.*

Saban hari Amin melalui denai berlopak sebagai laluan berulang-alik ke sekolah. Sebarang kerumitan dan ketidakselesaian melalui jalan tersebut merupakan perkara biasa baginya. Perkara yang pasti ialah dia perlu sampai ke sekolah tepat pada waktunya iaitu sebelum loceng berbunyi. Hal ini demikian kerana dia tidak mahu ketinggalan dalam setiap aktiviti sekolah. Amin menganggap semua yang dilaluinya itu sebagai cabaran dalam mengejar cita-citanya. Ibu bapa Amin sering menasihati adik-adiknya supaya mencontohi sikap Amin, tetapi mereka tidak mempedulikan nasihat tersebut.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) *Papa...* (akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof
 - (ii) *Melunas Rindu* karya Hartini Hamzah
 - (iii) *Azfa Hanani* karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
 - (iv) *Renyah* karya Gunawan Mahmood
 - (v) *Kembara Amira* karya Amer Hamzah L. Kadir
 - (vi) *Sutera Dalam Lukisan* karya Abd Talib Hassan
 - (vii) *Kabus di Perbukitan* karya Mohamad Kholid Hamzah
 - (viii) *Konserto Terakhir* karya Abdullah Hussain
- (a) Huraikan **dua** latar tempat bagi sebuah novel yang telah anda pelajari. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **tiga** nilai kemanusiaan daripada novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT